



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 25 Februari 2025

Untuk Terbitan Media

25 Februari 2025

PERKESO PERKASAKAN PROGRAM RAWATAN BENCANA KERJA (RBK), BAKAL MANFAATKAN PENCARUM AKTA 4

KLANG – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperkasa program Rawatan Bencana Kerja (RBK) seiring usaha memudahkan urusan dan meringankan beban pencarum yang mengalami kemalangan di tempat kerja.

Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal berkata, menerusi program itu, kecederaan dialami pencarum yang terbit daripada kemalangan di tempat kerja boleh mendapatkan rawatan tanpa mendahuluikan wang sendiri di 1,448 klinik panel PERKESO yang berdaftar.

Menurutnya, pemerkasaan proses ini terpakai untuk faedah perubatan buat pencarum di bawah Skim Bencana Kerja mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

“Jenis kecederaan yang ditanggung di bawah program ini adalah rawatan kecemasan untuk pekerja ditimpa kemalangan di tempat kerja sahaja, selain rawatan klinikal, konsultasi, rujukan dan pemeriksaan X-ray,” katanya pada sidang media selepas menghadiri program turun padang Pekerja Selamat dan Sihat di Pelabuhan Klang, di sini hari ini.

Penganjuran program yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Pengurus Besar Westports Malaysia Sdn Bhd, M Nanthakumar yang melibatkan 700 pekerja itu mencakupi pengisian berbentuk pameran Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), SEHATi, Pameran Vision Zero, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) serta Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Subahan berkata penyediaan program RBK melalui platform SEHATi membolehkan klinik panel PERKESO menyemak kelayakan dan memberi rawatan lanjut kepada pencarum bagi kecederaan berpunca daripada kemalangan di tempat kerja.

Malah, katanya, pencarum berupaya menyemak sendiri kelayakan menerusi SEHATi yang boleh diakses secara dalam talian, selain mendapatkan senarai klinik panel PERKESO dan membuat janji temu untuk rawatan susulan.

Dalam perkembangan berkaitan, Subahan mendedahkan bahawa 86,529 kes kemalangan dilaporkan kepada PERKESO sepanjang 2024, namun hanya 66,574 kes disahkan sebagai bencana kerja.

Selebihnya iaitu 19,955 kes dikategorikan sebagai bukan bencana kerja yang tidak mendapat sebarang manfaat perlindungan oleh PERKESO menerusi peruntukan Akta 4 sedia ada.

Sebagai perbandingan, statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan 532,125 kemalangan jalan raya pada 2024, dengan 5,364 daripadanya adalah kes kematian namun hanya 35,142 kes kemalangan atau 6.6 peratus, termasuk 886 kematian layak mendapat faedah serta sokongan pemulihan.

“Angka ini menunjukkan selain kemalangan tempat kerja, pencarum PERKESO juga memerlukan skim perlindungan sosial 24 jam bagi kemalangan yang bukan bencana kerja demi memastikan nasib pencarum terus terjamin,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

25 Februari 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my